

**NOTICE AND CHOICE PRINCIPLE STATEMENT PURSUANT TO
PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010
(*Penyataan Prinsip Notis dan Pilihan selaras dengan Akta
Perlindungan Peribadi 2010*)**

To view English version, please click [here](#).

Untuk meneliti versi Bahasa Malaysia, sila [tekan sini](#).

Notice and Choice Principle Statement pursuant to the Personal Data Protection Act 2010

Keeping personal data of individuals (“data subjects”) secure is a top priority for all of us at Citibank in Malaysia. We hope this Notice helps you understand how we handle the personal data about data subjects that we collect and how data subjects can control our disclosure of such data.

Citibank in Malaysia is subject to the Data Protection Principles under the Personal Data Protection Act 2010 and this Notice seeks to outline how we intend to deliver all the rights and protections data subjects are entitled to.

Subject at all times to the laws of Malaysia that are applicable to us, we may process your personal data in connection with one or more purposes, as set out in this Notice.

By providing your personal data or other information about yourself to Citibank or continuing to deal with Citibank or entering into transactions with Citibank, you would be accepting and consenting to the processing of the personal data or other information in accordance with this Notice (including any subsequent changes or variations to this Notice to which we will give notice to you or which you can view at Citibank’s website, accessible via www.citibank.com.my). Such personal data or other information may also have been provided to Citibank by others (for example your spouse, a company in which you are a director, an officer or a shareholder, or a partnership in which you are a partner).

What is personal data or information?

Personal data or information refers to any information or data in connection with any actual or potential commercial transaction(s) with us, which relates directly or indirectly to you, who is identified or identifiable from that information or from that and other information in our possession and includes information such as your name, identity card, passport or other identification document(s), telephone numbers(s), mailing address(es), place of birth, age, occupation, marital status, financial information (e.g. your income and income tax particulars), credit history and your transactions history, information captured on security systems (including a recording of your image(s) on closed circuit television (“CCTV”) and any other information relating to you which you or any other person(s) may have submitted to us or obtained by us from other parties. Personal data or information may include sensitive personal data which relates to information relating to your health, political opinions, religious beliefs or other beliefs of a similar nature, the commission or alleged commission of any offence or any other information as may be prescribed by the laws of Malaysia.

You Have Choices:

You have the opportunity to make choices. As you consider this, we encourage you to make choices that enable us to provide you with high quality products and services that help you meet your needs and objectives.

Failure to supply information may also result in us being unable to establish or continue banking and other relationships with you.

Security of personal data or information:

The security of personal data about you is our priority. We will, and will use reasonable endeavours to ensure that our affiliates and third party service providers will, implement reasonable and appropriate technical and organizational security measures to protect your personal data that is within our or their custody or control against unauthorized or unlawful processing and accidental destruction or loss.

Categories of personal data we collect and hold:

What kind and nature of personal data we collect and where it comes from, will vary according to the specific product, service or transaction, and may include:

- personal data we collect on applications for products and services or other forms or via telephone calls with you, such as name, identity card number, passport number, address, e-mail address, telephone number, occupation, assets and income
- personal data about your transactions with us (including data when you visit or log-on to our website), our affiliates, or third parties, such as account balances, payment history, and account activity
- personal data from credit bureau reports
- personal data from credit reporting agencies
- personal data from credit reference agencies
- personal data from governmental agencies
- personal data for insurance products
- your image(s) recorded via CCTV cameras when you visit our branches, our premises or when you access our automated teller machines (“ATMs”) or other automated services
- personal data when you lodge a complaint with us
- personal data from your participation in surveys
- personal data independently obtained by or given to us from other parties

The purposes for collecting your personal data:

The purpose for which personal data is collected and further processed depends on the nature of your relationship with us and/or our affiliates. Your personal data may be used for the following purposes:-

- to verify your identity and background
- to establish a relationship between you and us and/or our affiliates
- to assess and process applications for products and services
- to conduct credit checks, evaluate and monitor credit worthiness
- for evaluation and due diligence purposes

- for servicing customers and the provision of products and services to customers, including processing of receipts and payments, ATM services, Debit & ATM cards, credit cards, charge cards and other payment instruments
- for communicating and fulfilling marketing offers to you and to allow our affiliates and selected parties to promote their products and services, but for purposes of disclosing your personal data to our strategic alliance partners for marketing and promotional purposes, we will only do so if you expressly consent to us doing so
- to manage our business and your relationship with us including managing and maintaining your account(s) with us
- for data processing purposes
- to evaluate and monitor provision of services
- to respond to inquiries, requests and complaints from customers and to resolve disputes
- for deposit insurance purposes
- to understand customers' needs and offering products and services to meet those needs
- for research and development of products and services for customers' use
- for debt collection purposes
- for enforcement of our rights and obligations of other parties to us and/or our affiliates
- for assessing, processing and investigating insurance risks and claims
- to enable a party to evaluate any actual or proposed assignment, participation, sub-participation, and/or novation of our rights and/or obligations
- to meet legal and regulatory requirements
- to maintain and protect our offices and automatic teller machines
- for risk management including prevention, detection and investigation of crime, including fraud and any form of financial crime
- to maintain records of instructions whether through phone recording, via electronic, hard copy or softcopy documents etc.
- for such other purposes as permitted or required by applicable law or with your consent
- for all other purposes incidental and associated with any of the above.

Disclosure of your personal data:

Your personal data will be kept confidential, but subject at all times to the laws of Malaysia applicable to us, such personal data may be provided to the following categories of parties for the purposes set out above:-

- to any of our affiliates in and outside Malaysia;

- to any agent, contractor, vendor, service provider, professional advisers (such as lawyers and financial advisers), valuers, auctioneers, auditors, brokers, communications, clearing or payment system or intermediary banks, merchants and other parties which we, our affiliates or such parties above may use in connection with our, our affiliates or their businesses;
- debt collection agencies;
- any credit bureau, credit reporting agencies and credit reference agencies;
- any financial institution, card association and issuer of charge cards, credit cards, debit cards or other payment instruments;
- a drawee bank providing a copy of a paid cheque (which may contain information about the payee) to the drawer;
- any actual or proposed assignee, participant, sub-participant or transferee of any of our rights or obligations;
- to our affiliates and selected parties for the purpose of informing you of products or services which we believe will be of interest to you;
- our strategic alliance partners for marketing and promotional purposes but this will be subject to your express consent;
- any party giving or proposing to give any guarantee, indemnity or security to secure your obligations to us and/or our affiliates;
- any person intending to settle any moneys outstanding under any of your account(s) with us;
- any liquidator, receiver, official assignee or any person appointed under applicable law or court order relating to bankruptcy, liquidation, winding up in respect of any individual or company;
- to such parties as we or our affiliates may be required by legal process or pursuant to any other foreign or domestic legal, regulatory, stock exchange, clearing house or self-regulatory body obligation or request, or agreement entered into by any of them and any governmental authority, domestic or foreign, or between or amongst any two or more domestic or foreign governmental authorities or other authorities, including disclosure to courts, tribunals, legal, regulatory, tax and government authorities, stock exchanges, clearing houses and self regulatory bodies;
- any parties authorized by you; and
- to such parties as may be permitted or required under the laws of Malaysia.

Your personal data may be stored or transferred to locations and systems outside Malaysia subject to appropriate controls over information security.

In this Notice, "our affiliate" means Citigroup Inc. and each legal entity that is controlled by Citigroup Inc., whether directly or indirectly.

Personal Data of Third Parties:

Where the personal data processed by us is personal data of third parties (who are natural persons or individuals) obtained by, or provided to us in connection with your commercial transactions (actual or proposed) with us, you confirm that such persons have consented to the processing of their personal data in accordance with this Notice and any applicable laws and you will inform them to visit the Citibank website to view this Notice.

Updates to this Notice:

We may update this Notice from time to time by putting it up at Citibank's website or any other suitable methods. Do periodically review this Notice at Citibank's website to stay informed.

This Notice is not intended to, nor does it, create any contractual rights, nor does it create any contractual obligations on Citibank, in respect of any other party or on behalf of any party.

Records Retention:

We, our affiliates and service providers shall be entitled to retain and use your personal data, subject to the confidentiality and security obligations set out in this Notice, for legal, regulatory, audit and internal compliance purposes and in accordance with our or, as the case may be, their records management policies to the extent that this is permissible under applicable laws.

Complaints and Disputes:

If you have reason to believe that we have breached the principles set out in this Notice, we urge you to raise this with us. To make this easier, you can obtain a form on request from us, for you to describe and send in your concern.

We will investigate all complaints and you will usually receive a response within 30 days. If we find a complaint justified, we will resolve it.

Access:

You have rights under the Personal Data Protection Act 2010 to make a data access request in respect of personal data an organisation holds about you. We want to make this as simple as possible for you. You can obtain a form from us for this purpose.

To help us locate and provide the information you request, we would ask that you be reasonably specific about the information you require, and take a few minutes to complete the form.

We will need to validate the identity of anyone making an access request, to ensure that we do not provide your information to anyone who does not have the right to that information.

Where a data subject establishes that the personal data we hold on them is not accurate, complete or up-to-date we will correct our records as necessary.

We may charge you an administration fee for providing access in accordance with your request. Your request will usually receive a response within 21 days.

Your Privacy Preferences and How to Contact Us:

Please remember that we will protect your personal data regardless of your privacy preferences.

If: (a) you wish to find out more information, or raise any specific or general concerns about Citibank and this Notice; or (b) if you do not wish us or other parties to communicate marketing offers to you, you may:-

- call Citiphone Banking at 03-2383 0000; or
- e-mail us by logging in to Citibank Online at www.citibank.com.my; or
- write to us. Please address the letter to:-

Citibank Berhad
(Ref: Privacy)
P.O. Box 11725
50754 Kuala Lumpur
Attention: Officer-in-Charge

Date : 31 December 2014

Penyataan Prinsip Notis dan Pilihan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Langkah memastikan data peribadi individu (“subjek data”) disimpan dengan selamat amat dititikberatkan oleh kami semua di Citibank di Malaysia. Kami berharap Notis ini dapat membantu anda memahami bagaimana kami menangani data peribadi tentang subjek data yang dikumpul oleh kami dan bagaimana subjek data boleh mengawal penzahiran data tersebut oleh kami.

Citibank di Malaysia adalah tertakluk kepada Prinsip Perlindungan Data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis ini bertujuan membentangkan bagaimana kami bercadang untuk memberikan semua hak dan perlindungan yang berhak diterima oleh subjek data.

Tertakluk pada semua masa kepada undang-undang Malaysia yang dikenakan terhadap kami, kami boleh memproses data peribadi anda berhubung dengan satu atau lebih daripada satu maksud, yang dibentangkan dalam Notis ini.

Dengan memberikan data peribadi anda atau maklumat lain tentang anda kepada Citibank atau terus berurusan dengan Citibank atau memasuki transaksi dengan Citibank, anda menerima dan membenarkan pemrosesan data peribadi atau maklumat lain selaras dengan Notis ini (termasuk sebarang perubahan atau variasi selepas itu pada Notis yang mana kami akan maklumkan kepada anda atau boleh anda baca di laman web Citibank, yang boleh diakses melalui www.citibank.com.my). Data peribadi atau maklumat lain tersebut mungkin juga diberikan kepada Citibank oleh pihak lain (contohnya suami atau isteri anda, syarikat di mana anda adalah pengarahnya, pegawainya atau pemegang sahamnya, atau perkongsian di mana anda rakan kongsinya).

Apakah data atau maklumat peribadi?

Data atau maklumat peribadi merujuk kepada sebarang maklumat atau data berhubung dengan sebarang transaksi komersial sebenar atau transaksi komersial yang mungkin dilaksanakan dengan kami, yang berhubung secara langsung atau tidak langsung kepada anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut, atau daripada maklumat tersebut dan maklumat lain dalam milikan kami dan termasuk maklumat seperti nama anda, kad pengenalan, pasport atau dokumen pengenalan lain, nombor telefon, alamat pos, tempat lahir, umur, pekerjaan, status perkahwinan, maklumat kewangan (contohnya butir-butir pendapatan dan cukai pendapatan anda), sejarah kredit dan sejarah transaksi anda, maklumat yang diambil oleh sistem keselamatan (termasuk rakaman imej anda pada televisyen litar tertutup (“CCTV”) dan sebarang maklumat lain berkaitan dengan anda yang diberikan oleh anda atau mana-mana pihak lain kepada kami atau diperolehi oleh kami daripada pihak lain. Data atau maklumat peribadi mungkin termasuk data peribadi sensitif yang menyentuh maklumat berkaitan dengan kesihatan anda, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau dakwaan tentang pelakuan apa-apa kesalahan atau sebarang maklumat lain yang mungkin ditentukan oleh undang-undang Malaysia.

Pilihan Di Tangan Anda:

Anda berpeluang membuat pilihan. Sewaktu anda mempertimbangkan perkara ini, kami ingin menggalakkan anda agar membuat pilihan yang membolehkan kami menyediakan produk dan perkhidmatan bermutu tinggi kepada anda, yang berupaya membantu anda memenuhi dan mencapai keperluan dan matlamat anda.

Kegagalan untuk membekalkan maklumat juga mungkin mengakibatkan kami tidak dapat menjalin atau meneruskan perhubungan perbankan dan perhubungan lain dengan anda.

Keselamatan data atau maklumat peribadi:

Kami amat mementingkan keselamatan data peribadi tentang anda. Kami akan, dan akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa syarikat gabungan kami dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga akan, melaksanakan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang munasabah dan sesuai untuk melindungi data anda yang ada dalam jagaan atau kawalan kami atau mereka terhadap pemprosesan tanpa kebenaran atau menyalahi undang-undang dan kemusnahan atau kerugian yang tidak disengajakan.

Kategori data peribadi yang dikumpul dan disimpan oleh kami:

Apakah jenis dan sifat data peribadi yang dikumpul oleh kami, dan dari mana datangnya data tersebut, berbeza menurut produk, perkhidmatan atau transaksi khusus, dan mungkin merangkum:

- data peribadi yang dikumpul oleh kami daripada permohonan untuk produk dan perkhidmatan atau borang lain atau melalui panggilan telefon dengan anda, misalnya nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, alamat e-mel, nombor telefon, pekerjaan, aset dan pendapatan
- data peribadi tentang transaksi anda dengan kami, (termasuk data apabila anda melayari atau log masuk ke dalam laman web kami), syarikat gabungan kami, atau pihak ketiga, misalnya baki akaun, sejarah pembayaran dan aktiviti akaun
- data peribadi daripada laporan biro kredit
- data peribadi daripada agensi-agensi pelaporan kredit
- data peribadi daripada agensi-agensi rujukan kredit
- data peribadi daripada agensi-agensi kerajaan
- data peribadi untuk produk insurans,
- imej anda yang dirakamkan melalui kamera CCTV apabila anda melawat cawangan kami, premis kami atau apabila anda menggunakan mesin juruwang automatik kami ("ATM") atau perkhidmatan automatik lain
- data peribadi apabila anda membuat aduan dengan kami
- data peribadi daripada penyertaan anda dalam kaji selidik
- data peribadi yang diperolehi secara bebas oleh atau diberikan kepada kami oleh pihak lain

Maksud data peribadi anda dikumpul:

Maksud data peribadi dikumpul dan seterusnya diproses bergantung kepada sifat perhubungan anda dengan kami dan/atau syarikat gabungan kami. Data peribadi anda mungkin digunakan bagi maksud berikut:-

- untuk menentusahkan identiti dan latar belakang anda
- untuk menjalin perhubungan antara anda dan kami dan/atau syarikat gabungan kami
- untuk menilai dan memproses permohonan bagi produk dan perkhidmatan

- untuk melaksanakan semakan kredit, menilai dan memantau kebolehpercayaan kredit
- bagi maksud penilaian dan ketekunan wajar
- untuk melayan pelanggan dan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan, termasuk memproses penerimaan dan pembayaran, perkhidmatan ATM, kad Debit & ATM, kad kredit, kad caj dan instrumen pembayaran lain
- untuk berkomunikasi dan memenuhi tawaran pemasaran kepada anda dan membenarkan syarikat gabungan kami dan pihak-pihak yang terpilih mempromosi produk dan perkhidmatan mereka tetapi bagi maksud mendedahkan data peribadi anda kepada rakan perikatan strategik kami bagi maksud pemasaran dan promosi, kami hanya akan berbuat demikian jika anda dengan nyata membenarkan kami berbuat demikian
- untuk mengurus perniagaan kami dan perhubungan anda dengan kami termasuk mengurus dan menyenggara akaun(-akaun) anda dengan kami
- bagi tujuan pemprosesan data
- untuk menilai dan memantau penyediaan perkhidmatan
- untuk membalas pertanyaan, permintaan dan aduan daripada pelanggan dan untuk menyelesaikan pertikaian
- bagi tujuan insurans deposit
- untuk memahami keperluan pelanggan dan menawarkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan tersebut
- bagi penyelidikan dan pembangunan produk dan perkhidmatan untuk kegunaan pelanggan
- bagi tujuan pungutan hutang
- untuk menguatkuasakan hak kami dan obligasi pihak lain kepada kami dan/atau syarikat gabungan kami
- untuk menilai, memproses dan menyiasat risiko dan tuntutan insurans
- untuk membolehkan sesuatu pihak menilai sebarang penyerahan hak, penyertaan, sub-penyertaan, dan/atau novasi hak dan/atau obligasi kami, yang sebenar atau dicadangkan
- untuk memenuhi keperluan undang-undang dan kawal selia
- untuk menyelenggara dan melindungi pejabat dan mesin juruwang automatik kami
- bagi pengurusan risiko termasuk mencegah, mengesan dan menyiasat jenayah, termasuk fraud dan sebarang bentuk jenayah kewangan
- untuk menyimpan rekod arahan sama ada melalui rakaman telefon, melalui dokumen elektronik, salinan cetak atau salinan lembut dan lain-lain
- bagi sebarang maksud lain yang dibenarkan atau diwajibkan oleh undang-undang yang terpakai atau dengan kebenaran anda
- bagi semua maksud lain yang sampingan pada dan berkaitan dengan mana-mana maksud di atas.

Penzahiran data peribadi anda:

Data peribadi anda akan dirahsiakan tetapi tertakluk pada semua masa kepada undang-undang Malaysia yang dikenakan kepada kami, data peribadi tersebut mungkin diberikan kepada kategori pihak berikut bagi maksud yang dibentangkan di atas:-

- kepada mana-mana syarikat gabungan kami di dalam dan di luar Malaysia;
- kepada mana-mana agen, kontraktor, pembekal, penyedia perkhidmatan, penasihat profesional (seperti peguam dan penasihat kewangan), penilai, jurulelong, juruaudit, broker, sistem komunikasi, penjelasan atau pembayaran atau bank pengantara, peniaga dan pihak lain yang mungkin digunakan oleh kami, syarikat gabungan kami atau pihak di atas berhubung dengan perniagaan kami, syarikat gabungan kami atau perniagaan mereka;
- agensi-agensi pungutan hutang;
- sebarang biro kredit, agensi-agensi pelaporan kredit dan agensi-agensi rujukan kredit;
- sebarang institusi kewangan, persatuan kad dan penerbit kad caj, kad kredit, kad debit atau instrumen pembayaran lain
- bank pesuruh bayar yang menyediakan sesalinan cek yang telah dibayar (yang mungkin mengandungi maklumat tentang pesuruh bayar) kepada pesuruh bayar;
- mana-mana pemegang serah hak, peserta, sub-peserta atau penerima pindahan, sebenar atau dicadangkan, bagi sebarang hak atau obligasi kami
- kepada syarikat gabungan kami dan pihak terpilih bagi maksud memaklumkan anda tentang produk atau perkhidmatan yang kami percaya akan menarik minat anda;
- rakan perikatan strategik kami bagi maksud pemasaran dan promosi tetapi ini tertakluk kepada kebenaran nyata anda;
- mana-mana pihak yang memberikan atau bercadang untuk memberikan sebarang jaminan, tanggung rugi atau cagaran untuk menjamin obligasi anda kepada kami dan/atau syarikat gabungan kami;
- mana-mana orang yang bercadang untuk menyelesaikan sebarang wang yang terhutang dan perlu dibayar di bawah mana-mana akaun anda dengan kami;
- mana-mana pelikuidasi, penerima, pegawai pemegang harta atau mana-mana orang yang dilantik di bawah undang-undang yang terpakai atau perintah mahkamah berkaitan dengan kebangkrapan, likuidasi, penggulangan berhubung dengan mana-mana individu atau syarikat;
- kepada mana-mana pihak yang perlu didedahkan oleh kami atau syarikat gabungan kami melalui proses undang-undang atau selaras dengan sebarang kewajipan atau permintaan badan undang-undang, kawal selia, bursa saham, rumah penjelasan atau badan peraturan sendiri asing atau domestik lain, atau perjanjian yang dimasuki oleh mana-mana daripada mereka dan mana-mana pihak berkuasa kerajaan, dalam atau luar negeri, atau antara atau di kalangan mana-mana dua atau lebih daripada dua pihak berkuasa kerajaan dalam negeri atau asing atau pihak berkuasa lain, termasuk pendedahan kepada mahkamah, tribunal, pihak berkuasa undang-undang, kawal selia, cukai dan kerajaan, bursa saham, rumah penjelasan dan badan peraturan sendiri;
- mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh anda; dan

- kepada mana-mana pihak yang dibenarkan atau diwajibkan di bawah undang-undang Malaysia.

Data peribadi anda mungkin disimpan atau dipindahkan ke lokasi dan sistem di luar Malaysia tertakluk kepada kawalan yang sesuai terhadap keselamatan maklumat.

Dalam Notis ini, “syarikat gabungan kami” bermaksud Citigroup Inc. dan setiap entiti undang-undang yang dikawal oleh Citigroup Inc., sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Data Peribadi Pihak Ketiga:

Jika data peribadi yang diproses oleh kami adalah data peribadi pihak ketiga (yang merupakan orang biasa atau individu) yang diperolehi oleh, atau diberikan kepada kami berhubung dengan transaksi komersial anda (sebenar atau dicadangkan) dengan kami, anda mengesahkan bahawa pihak tersebut telah membenarkan pemprosesan data peribadi mereka selaras dengan Notis ini dan sebarang undang-undang yang terpakai dan anda akan memaklumkan mereka untuk melayari laman web Citibank untuk melihat Notis ini.

Pengemaskinian Notis ini:

Kami boleh mengemaskinkan Notis ini dari masa ke semasa dengan meletakkannya di laman web Citibank atau melalui sebarang cara lain yang sesuai. Sila semak Notis ini dari masa ke semasa di laman web Citibank untuk kandungan yang terkemaskini.

Notis ini tidak bertujuan untuk dan tidak mewujudkan sebarang hak kontrak, dan tidak mewujudkan sebarang kewajipan kontrak bagi pihak Citibank terhadap mana-mana pihak lain atau bagi pihak mana-mana pihak.

Penyimpanan Rekod:

Kami, syarikat gabungan kami dan penyedia perkhidmatan berhak menyimpan dan menggunakan data peribadi anda, tertakluk kepada obligasi kerahsiaan dan keselamatan yang dibentangkan dalam Notis ini, bagi tujuan undang-undang, kawal selia, audit dan kepatuhan dalaman dan selaras dengan dasar pengurusan rekod kami atau, mengikut keadaan, dasar pengurusan rekod mereka setakat mana ini dibenarkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa.

Aduan dan Pertikaian:

Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kami telah melanggar prinsip yang dibentangkan dalam Notis ini, kami menggesa anda agar membangkitkan perkara ini dengan kami. Untuk memudahkan perkara ini, anda boleh mendapatkan borang yang boleh diminta daripada kami, agar anda dapat menerangkan dan mengutarakan kebimbangan anda kepada kami.

Kami akan menyiasat semua aduan dan anda biasanya akan menerima balasan dalam masa 30 hari. Jika kami mendapati bahawa aduan tersebut berasas, kami akan menyelesaikannya.

Akses:

Anda mempunyai hak di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk membuat permintaan akses data berhubung dengan data peribadi yang disimpan oleh sesuatu organisasi tentang anda. Kami ingin memudahkan langkah ini untuk anda. Anda boleh mendapatkan borang daripada kami bagi tujuan ini.

Untuk membantu kami mencari dan menyediakan maklumat yang diminta oleh anda, kami meminta agar anda memberikan butir-butir yang khusus tentang maklumat yang dikehendaki oleh anda, dan mengambil masa beberapa minit untuk mengisi borang.

Kami perlu mengesahkan identiti sesiapa yang membuat permintaan akses, demi memastikan kami tidak memberikan maklumat anda kepada sesiapa yang tidak berhak mendapatkan maklumat tersebut.

Apabila subjek data membuktikan bahawa data peribadi yang disimpan oleh kami tentang mereka adalah tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemas kini, kami akan membetulkan rekod kami setakat mana yang perlu.

Kami boleh mengenakan fi pentadbiran terhadap anda untuk memberikan akses selaras dengan permintaan anda. Permintaan anda biasanya akan dibalas dalam masa 21 hari.

Pilihan Privasi Anda dan Bagaimana untuk Menghubungi Kami:

Jangan lupa bahawa kami akan melindungi data peribadi anda tanpa mengira pilihan privasi anda.

Jika: (a) anda ingin mendapatkan lebih banyak maklumat, atau ingin membangkitkan sebarang kebimbangan khusus atau am tentang Citibank dan Notis ini; atau (b) anda tidak mahu kami atau pihak lain memaklumkan tawaran pemasaran kepada anda, anda boleh:-

- menelefon Citiphone Banking di 03-2383 0000; atau
- menghantar e-mel kepada kami dengan melayari Citibank Online di www.citibank.com.my; atau
- menulis kepada kami. Sila alamatkan surat kepada:-
Citibank Berhad
(Ruj: Privasi)
P.O. Box 11725
50754 Kuala Lumpur
U.P.: Pegawai Bertanggungjawab

Tarikh : 31 Disember 2014